

**R**UMPUT sambau yang kebiasaan dilihat di taman dan ladang sering dianggap sebagai rumpai yang menjengkelkan.

Namun, Pensyarah Kanan Jabatan Sains Perhutanan, Fakulti Sains Pertanian dan Perhutanan, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB), Dr. Keeren Sundara Rajoo, mendedahkan rumput sambau mempunyai sejarah penggunaan yang lama dalam amalan perubatan tradisional di seluruh dunia.

Katanya, di India, pucuk muda dimakan sebagai sumber makanan berkhasiat manakala akar dan bijinya dijadikan ubat tradisional dalam merawat pelbagai penyakit seperti asma, demam dan jangkitan saluran kencing.

Di Malaysia, rumput sambau lazimnya tidak dimakan, tetapi khasiat perubatannya amat diiktiraf.

Ia digunakan dalam perubatan tradisional Melayu untuk bersalin, melegakan kesakitan dan gejala selesema. Ilmu tradisional ini menonjolkan potensi rumput sambau sebagai sumber perubatan semula jadi.

Amnya rumput sambau (*Eluesine indica*), rumpai yang memberi banyak masalah kepada industri sawit dan tanaman buah-buahan di negara ini.

Malah turut disenaraikan sebagai salah satu daripada 10 rumpai paling teruk di dunia kerana perlu bersaing dengan pokok kelapa sawit untuk mendapatkan cahaya, air, ruang dan juga nutrisi.

Ia juga mudah ditemui di kawasan pertanian seperti kebun sayur-sayuran, tanaman dan juga di tapak semaian kelapa sawit.

Namun rumput ini merupakan rumpai biasa di sepanjang jalan dan turapan.

#### KURANG KERADANGAN

Sementara itu, Pensyarah Kanan Jabatan Sains Tanaman, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) Ts. Dr. Norazua Zakaria menyatakan tinjauan literatur mendedahkan bahawa rumput sambau turut digunakan untuk merawat pelbagai penyakit seperti keradangan dan gangguan berkaitan imun.

Tumbuhan itu kaya dengan pelbagai fitokimia yang bermanfaat, termasuk flavonoid, steroid, dan asid lemak.

Sebatian ini mempunyai sifat antioksidan, antimikrob dan anti-radang, yang berpotensi menjelaskan keberkesanan tumbuhan dalam merawat beberapa penyakit.

# Rumput sambau pengganggu atau bernilai?



**RUMPUT sambau mempunyai sejarah penggunaan yang lama dalam amalan perubatan tradisional di seluruh dunia dalam merawat pelbagai penyakit seperti asma, demam dan jangkitan saluran kencing.**



**KAJIAN lanjut diperlukan untuk mengkomersialkan rumput sambau sebagai sumber perubatan semula jadi.**

#### RUMPUT SAMBAU

- » Dikenali dengan nama saintifik *Eluesine indica*.
- » Dikenali sebagai pemberi masalah kepada industri sawit dan tanaman buah-buahan di Malaysia.
- » Turut disenaraikan sebagai salah satu daripada 10 rumpai paling teruk di dunia kerana perlu bersaing dengan pokok kelapa sawit untuk mendapatkan cahaya, air, ruang dan juga nutrisi.
- » Digunakan dalam perubatan tradisional Melayu untuk bersalin, melegakan kesakitan, dan gejala selesema.

rumput sambau bagi mengatasi masalah kekurangan serat hijau lagi-lagi sewaktu musim kering yang melanda di Nepal.

Namun, lebih banyak penyelidikan diperlukan untuk memahami sepenuhnya dan memanfaatkan potensi rumput jenis ini.

Ia boleh dikembangkan menjadi sumber makanan dan ubat semula jadi yang berharga.

Bayangkan ladang rumput sambau bukan sebagai perosak yang tidak diingini, tetapi sebagai tanaman yang ditanam menyediakan makanan berkhasiat dan ubat semula jadi.

Dalam peringkat kajian, kajian yang telah dilakukan, menunjukkan tumbuhan ini mewakili sumber nutrisi yang kaya dan mengandungi fitokimia terapeutik, di mana rumput sambau selamat untuk penggunaan oral dalam had yang dibenarkan.

Kajian tentang rumput sambau perlu dieksplorasi dengan lebih lanjut terutamanya dalam mewujudkan ekstrak bagi memastikan keselamatan dan keberkesanan sebelum dikomersialkan.



**Rumput sambau lazimnya tidak dimakan, tetapi khasiat perubatannya amat diiktiraf.”**

Para penyelidik mencadangkan kandungan flavonoid pada rumput sambau boleh membantu mengurangkan keradangan dan mengurangkan kesakitan bagi menyokong kegunaannya dalam perubatan tradisional.

Rumput sambau juga mempunyai sifat antimikrob tumbuhan yang boleh merawat jangkitan saluran kencing.

Dapatan kajian sebelum ini menunjukkan potensi